

**STRATEGI PELAKSANAAN 2 YEARS EXIT  
PROGRAMME (2YEP) BAGI MEMBASMI KEMISKINAN:  
PERANAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT SABAH  
STRATEGY FOR THE IMPLEMENTATION OF 2 YEARS  
EXIT PROGRAM (2YEP) TO ERADICATE POVERTY: THE  
ROLE OF DEPARTMENT OF SOCIAL WELFARE, SABAH**

JOSHUA ANAK JALIN\*<sup>1</sup>  
MARSITAH MOHD RADZI<sup>2</sup>

*Program Antropologi & Sosiologi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Jalan UMS, Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*

*Corresponding author: \*1.josh@live.com.my*

*Tarikh dihantar: 14 Mac 2022 | Tarikh diterima: 14 April 2022 | Tarikh terbit: 31 Disember 2023*

*DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v29i.3736>*

**ABSTRAK** Pelaksanaan dasar pembangunan berteraskan pembasmian kemiskinan oleh kerajaan tidak dinafikan telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan. Insiden kemiskinan mutlak negara terus menurun 5.6 peratus pada 2019, berbanding 7.6 peratus tahun 2016. Walau bagaimanapun penurunan ini tidak menggambarkan keadaan sebenar taraf sosioekonomi penduduk di Sabah. Hal ini terbukti apabila Sabah mencatat insiden kemiskinan tertinggi sejak tahun 2004 hingga 2019. Sabah juga mempunyai jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang tertinggi sejak tahun 2010 hingga 2015. Senario ini seolah-olah menggambarkan bahawa program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan kerajaan tidak mendatangkan kesan terhadap insiden kemiskinan dan jumlah penerima bantuan di Sabah. Justeru, artikel ini menjelaskan peranan Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah dalam melaksanakan *2 Years Exit Programme* sebagai satu *exit policy* melalui pendekatan kebajikan produktif. Matlamat program ini adalah untuk membantu penerima bantuan menerap kesedaran untuk berubah dan berusaha untuk menjana pendapatan serta hidup berdikari tanpa bergantung pada bantuan sebagai sara hidup. Artikel ini adalah kupasan yang bersifat tinjauan awal terhadap strategi Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah dalam menurunkan kadar kemiskinan mampu dilaksanakan. Data kajian diperoleh daripada penelitian dokumen dan temu bual tidak formal dengan kakitangan yang terlibat. Dapatan awal kajian ini menemukan peranan jabatan pelaksana dalam mengatur strategi bagi menjayakan *2 Years Exit Programme* dibentuk dan dilaksanakan dengan baik. Namun, kejayaan dan kegagalan program ini tidak dapat dinafikan akibat daripada beberapa kelemahan yang ada,

baik di pihak pelaksana mahupun klien. Ini memerlukan kajian lanjut bagi memastikan program pembasmian kemiskinan yang dilaksanakan oleh kerajaan tidak sia-sia dan perbelanjaan yang menggunakan wang rakyat dapat pulangan seperti yang dirancang.

**Kata kunci:** Pembasmian kemiskinan, *2 Years Exit Programme (2YEP)*, strategi pelaksanaan, *exit policy*, kebajikan produktif, skim bantuan kerajaan.

**ABSTRACT** *The implementation of development policies based on poverty eradication by the government has undoubtedly succeeded in reducing the poverty rate. The incidence of absolute poverty in the country continued to decline by 5.6 per cent in 2019, compared to 7.6 per cent in 2016. However, this decline does not reflect the socio-economic status of the population in Sabah. This is evident when Sabah recorded the highest incidence of poverty since year 2004 to 2019. Sabah also has the highest number of recipients assistance in a row from year 2010 to 2015. This scenario seems to illustrate that the government's poverty eradication program does not affect the incidence of poverty and total recipients assistance in Sabah. Therefore, this paper explains the role of the Social Welfare Department Sabah in implementing the 2 Years Exit Program as an exit policy through a productive welfare approach. The goal of this program is to help recipients assistance adopt an awareness to change and strive to generate income as well as live independently without relying on aid as a livelihood. This paper is a preliminary survey of the strategy of the Social Welfare Department Sabah in reducing the poverty rate can be implemented. Data were obtained from document review and informal interviews with the staff involved. The initial findings of this study found the role of the implementing department in organising strategies for the success of the 2 Years Exit Program was formed and implemented well. However, the success and failure of this program cannot be denied as a result of some weaknesses, both the implementer and the client. This requires further study to ensure that the poverty eradication program implemented by the government is not wasted and the expenditure that uses the people's money can be returned as planned.*

**Keywords:** *Poverty eradication, 2 Years Exit Program (2YEP), implementation strategy, exit policy, productive welfare, government assistance scheme.*

## **PENDAHULUAN**

Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah (JKM Sabah) adalah Jabatan Kerajaan Persekutuan yang bertanggungjawab dalam mentadbir kebanyakan program bantuan persekutuan di Sabah. Tujuan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah untuk membantu golongan miskin sehingga mereka menjadi produktif dan berdikari (Ong Fon Sim & Tengku Aizan Hamid, 2010). Falsafah skim perkhidmatan bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah bersifat sementara sebagai proses pemelegaan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2017). Walau bagaimanapun trend peningkatan dalam jumlah penerima bantuan adalah tidak selari dengan falsafah skim perkhidmatan bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Dalam tempoh 2017 hingga 2019 sahaja berlaku peningkatan jumlah penerima bantuan secara berterusan dari 478,677 pada 2017 kepada 486,858 pada 2018 dan 507,041 pada 2019 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2019). Trend peningkatan penerima bantuan ini memberi implikasi kepada peningkatan dalam perbelanjaan kewangan kerajaan. Oleh hal yang demikian, kerajaan perlu melaksanakan program perlindungan sosial yang komprehensif untuk meningkatkan pendapatan dalam membantu golongan miskin keluar dari belunggu kemiskinan (Berry, 2013).

Pada tahun 2014 Jabatan Kebajikan Masyarakat telah memperkenalkan *2 Years Exit Programme (2YEP)* sebagai *exit policy* terhadap penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2YEP merupakan program inovasi sosial di bawah Rancangan Malaysia Ke-sebelas (RMKe-11) yang dilaksanakan melalui pendekatan kebajikan produktif (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menetapkan *Key Performance Index (KPI)* sebanyak 5 peratus *exit policy* melalui program ini dalam mengurangkan jumlah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Strategi pelaksanaan 2YEP adalah melalui pendekatan kebajikan produktif dengan memperkasa penerima bantuan yang masih produktif untuk menjadi individu yang berubah, berkeyakinan, berdikari dan berkemampuan menjana pendapatan sendiri.

Program ini telah dikembangkan ke seluruh negara termasuk Sabah pada tahun 2016. Matlamat 2YEP sebagai *exit policy* secara langsung

akan mengurangkan beban kes penerima bantuan kerajaan. Namun begitu, keberkesanan pelaksanaan program ini dalam meningkatkan pendapatan isi rumah seterusnya mengeluarkan klien dari belunggu kemiskinan di Sabah perlu diteliti. Hal ini kerana, insiden kemiskinan Sabah kekal tertinggi berturut-turut sejak 2004 hingga 2014 dengan julat antara 4.0 peratus hingga 23.0 peratus berbanding negeri-negeri lain pada julat catatan 0.0 peratus hingga 15.0 peratus (Unit Perancang Ekonomi, 2017). Insiden kemiskinan di Sabah terus kekal tertinggi pada tahun-tahun yang berikutnya iaitu 23.9 peratus pada 2016 dan 19.5 peratus pada 2019 berbanding insiden kemiskinan nasional iaitu 7.6 peratus pada 2016 dan 5.6 peratus pada 2019 (Unit Perancang Ekonomi, 2020). Selain daripada itu, Sabah juga merupakan negeri yang mempunyai jumlah penerima bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang terbanyak dalam tempoh enam tahun berturut-turut sejak 2010 hingga 2015 (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2018).

Kejayaan dan kegagalan pelaksanaan program 2YEP tidak dapat dinafikan disebabkan oleh beberapa faktor, baik pihak pelaksana mahupun di pihak klien program. Analisis kajian oleh Putri Noorafedah Megat Tajudin *et al.* (2020) mengenai proses pemerksaan usahawan bimbingan program 2YEP yang berjaya di Negeri Sembilan merumuskan pemerksaan penerima bantuan melalui program 2YEP tidak mustahil untuk dilaksanakan, namun kejayaan program adalah dimulai dengan kemahuan dan ciri-ciri devian positif yang ada dalam diri peserta. Kajian oleh Noraida *et al.* (2018) pula merumuskan bahawa secara keseluruhannya Program 2YEP Fasa 1 (2016-2018) telah berjaya mengurangkan perbelanjaan kerajaan sebanyak RM1.9 juta setahun. Walau bagaimanapun terdapat pelbagai cabaran dalam pelaksanaan kebajikan produktif sebagai strategi pembasmian kemiskinan antaranya strategi penamatan, tempoh pelaksanaan, kemahiran peserta dan masalah kekurangan kakitangan yang dihadapi oleh jabatan pelaksana (Zakiyah Jamaluddin & Norzalinda Mohd Ali Hanafiah, 2018).

## **METOD KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif. Kawasan kajian ini adalah Bahagian Kota Kinabalu, Sabah yang merangkumi tujuh daerah dan daerah kecil iaitu Daerah Ranau, Daerah Kota Belud, Daerah Tuaran, Daerah

Penampang, Daerah Putatan, Daerah Papar dan Daerah Kecil Tamparuli mengikut persempadanan bahagian dan daerah oleh JKM Sabah dalam menyalurkan skim perkhidmatan bantuan kepada golongan sasaran. Bahagian Kota Kinabalu dipilih sebagai kawasan kajian kerana mempunyai peratusan kejayaan dan kegagalan yang seimbang iaitu tujuh klien telah berjaya diputihkan, manakala enam klien tidak berjaya berdasarkan data pemutihan bagi klien yang menyertai program 2YEP Fasa Pertama (2016-2018). Selain itu, bahagian Kota Kinabalu juga terletak berdekatan dengan pusat bandar raya yang mempunyai kemudahan asas seperti jalan raya dan talian internet yang lebih baik berbanding dengan bahagian lain di Sabah. Justeru, klien yang berada di bahagian Kota Kinabalu mempunyai potensi yang seimbang untuk berjaya berbanding klien yang berada di bahagian dan daerah lain di Sabah.

Populasi kajian adalah keseluruhan klien 2YEP Fasa Pertama (2016-2018) di Sabah iaitu seramai 89 orang klien yang melibatkan enam bahagian dan 29 daerah dan daerah kecil mengikut persempadanan bahagian dan daerah oleh JKM Sabah dalam menyalurkan perkhidmatan bantuan. Responden kajian pula adalah klien 2YEP Fasa Pertama (2016-2018) di Bahagian Kota Kinabalu, Sabah. Maklumat klien yang berjaya dan gagal dalam program 2YEP Fasa Pertama (2016-2018) di bahagian Kota Kinabalu. Dalam kajian ini, skop penilaian adalah merangkumi latar belakang, kedudukan sosioekonomi dan hidup yang berdikari sebelum dan selepas klien menyertai program 2YEP. Kerangka persampelan kajian adalah seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1** Klien 2YEP Fasa Pertama (2016-2018) yang berjaya dan gagal di Sabah

<b>Bahagian</b>	<b>Jumlah Klien</b>	<b>Berjaya</b>	<b>Gagal</b>
Kota Kinabalu	13	7	6
Kudat	19	5	14
Sandakan	16	6	10
Keningau	11	1	10
Beaufort	11	5	6
Tawau	19	5	14
<b>JUMLAH</b>	<b>89</b>	<b>29</b>	<b>60</b>

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah, 2021

Kajian ini menggunakan data sekunder sebagai data awal melalui pendekatan penyelidikan kualitatif. Menurut Hox & Boeije (2004) data sekunder adalah merujuk kepada data asli yang telah dikumpul untuk tujuan yang berbeza dan digunakan semula untuk persoalan kajian lain. Data sekunder kajian ini diperolehi menerusi laporan, jurnal, tesis, dan artikel yang diperolehi dari pejabat dan portal rasmi kementerian dan jabatan kerajaan seperti Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM), Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA), Kementerian Kewangan (MOF), Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). Untuk mendapatkan data-data sekunder ini, penyelidik juga telah berkunjung ke Ibu Pejabat JKM Sabah untuk mendapatkan laporan yang berkaitan dengan pelaksanaan 2YEP di peringkat negeri Sabah.

## **DAPATAN KAJIAN**

### **Strategi Pelaksanaan 2YEP di Sabah**

Pelaksanaan program 2YEP di Sabah adalah dibawah tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah. Selain bertanggungjawab terhadap pelaksanaan program 2YEP, JKM Sabah juga berperanan dan bertanggungjawab dalam menyediakan perkhidmatan kepada sepuluh kumpulan sasar jabatan iaitu kanak-kanak, warga emas, orang kurang upaya, orang papa, mangsa bencana, keluarga, pesalah muda, mangsa keganasan rumah tangga, komuniti rentan dan mangsa pemerdangan orang dan penyeludupan migran (Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah, 2021). Dari segi perjawatan, JKM Sabah diketuai oleh pegawai pembangunan masyarakat (PPM) Gred S52, manakala dari segi organisasi jabatan pula, JKM Sabah terbahagi kepada enam bahagian iaitu bahagian Orang Kurang Upaya dan Warga Emas, bahagian Kanak-Kanak dan Perintah Khidmat Masyarakat, bahagian Kebajikan Produktif dan Komuniti, bahagian Penguatkuasaan, bahagian Psikologi dan Kaunseling dan bahagian Khidmat Pengurusan. Program 2YEP adalah program dibawah seliaan bahagian Kebajikan Produktif dan Komuniti. Walau bagaimanapun bahagian-bahagian lain akan terlibat bersama dalam strategi pelaksanaan 2YEP pada peringkat saringan, intervensi, pemantauan dan penilaian dan peringkat penamatan. Melalui program ini, klien akan dibimbing dan dipantau melalui

penyeliaan yang berterusan bagi memastikan kejayaan dalam perniagaan yang mereka ceburi seterusnya nama mereka berjaya dikeluarkan dari senarai penerima bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Antara bidang perniagaan yang diceburi oleh klien 2YEP di Sabah adalah perniagaan kedai runcit, perniagaan jualan makanan dan minuman, perkhidmatan sewaan set karaoke, perkhidmatan menjahit pakaian, pembuatan lekor mentah dan pembuatan kek dan biskut. Kebanyakan aktiviti perniagaan dijalankan oleh klien di rumah mereka sendiri. Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) mensasarkan program 2YEP akan menyumbang kepada pengurangan peratusan pergantungan kepada bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak 2.5 peratus setahun (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016).

Strategi pelaksanaan program ini adalah menggunakan kaedah sistem pengurusan kerja kes *case management system (CMS)* yang dilaksanakan melalui proses seliaan dan pemantauan berkala dan berjadual oleh JKM Sabah sepanjang tempoh dua tahun dalam membimbing klien program ke arah hidup yang berdikari. Klien akan dilibatkan secara aktif dalam bidang latihan, kemahiran atau program-program yang membantu klien dalam meningkatkan pendapatan. Sepanjang tempoh mengikuti program 2YEP, bantuan kewangan bulanan klien akan diteruskan tanpa melalui proses kajian semula selama dua tahun. Strategi pelaksanaan program ini melibatkan empat peringkat iaitu; peringkat pertama, tahap saringan; peringkat kedua, tahap intervensi; peringkat ketiga, tahap pemantauan dan penilaian; dan peringkat keempat, tahap penamatan.

Strategi pelaksanaan program 2YEP pada tahap saringan bermula sejurus selepas Jabatan Kebajikan Masyarakat menerima permohonan untuk menyertai program 2YEP. Strategi pelaksanaan pada peringkat ini terbahagi kepada dua, iaitu proses saringan awal dan proses saringan lanjutan. Semasa proses saringan awal penerima bantuan akan disaring mengikut kategori produktif dan tidak produktif mengikut kriteria yang telah ditetapkan. Kriteria kelayakan untuk menjadi klien 2YEP adalah penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat yang masih produktif iaitu; sihat tubuh badan dan mental; berusia di antara 18-55 tahun; mampu bekerja, bermotivasi tinggi dan boleh dibangunkan ke arah berdikari dengan fokus kepada penerima skim

Bantuan Kanak-Kanak (BKK); Elaun Pekerja Cacat (EPC); dan Bantuan Am (BA), (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Setelah melalui proses saringan awal penerima bantuan seterusnya akan melalui proses saringan lanjutan. Pada peringkat proses saringan lanjutan, penerima bantuan akan disaring melalui ujian penaksiran psikologi bagi meneliti aspek personaliti, tahap motivasi dan kesesuaian minat kerjaya mereka. Proses saringan yang berikutnya adalah melihat faktor luaran dan dalaman pemohon yang meliputi kekuatan, kelemahan, peluang dan ancaman yang ada pada diri dan persekitaran pemohon. Proses ini akan menentukan jenis intervensi yang diperlukan oleh penerima bantuan sekiranya berjaya terpilih menjadi klien program. Penerima bantuan yang layak akan menandatangani Surat Aku Janji dan Surat Setuju Terima sebagai klien 2YEP melalui pendekatan kebajikan produktif. Melalui pendekatan ini klien akan melalui proses pemerkasaan dalam meningkatkan kefungsiannya ke arah hidup yang berdikari agar dapat keluar dari perangkap kemiskinan dan tidak bergantung selama-lamanya kepada bantuan kewangan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat sebagai sara hidup (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016).

Pekerja kes memainkan peranan yang penting dalam kesemua peringkat pelaksanaan program 2YEP. Pekerja kes yang terlatih dan mencukupi akan menjamin kejayaan sesuatu program (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Pada peringkat pertama, tahap saringan, pekerja kes berperanan dan bertanggungjawab dalam; (i) mengenal pasti penerima bantuan yang berpotensi serta menepati kriteria yang telah ditetapkan semasa tahap saringan pertama; (ii) melaksanakan ujian psikometrik semasa saringan lanjutan; (iii) menjalankan analisis kemandirian; (iv) menjalankan sesi konsultasi untuk mengenal pasti kebolehan, minat dan kemahiran penerima bantuan; dan (v) menentukan senarai penerima bantuan yang melepasi tahap saringan untuk dikemukakan ke Jawatankuasa Pemilihan. Pekerja kes 2YEP adalah kakitangan JKM Sabah skim pembantu pembangunan masyarakat gred S19.

Strategi pelaksanaan peringkat kedua adalah tahap intervensi. Pada peringkat ini klien akan menghadiri Program Pembangunan Minda dan Kesedaran Kendiri yang dianjurkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat. Tujuan penganjuran program ini adalah untuk mengenal pasti kemahiran, kecenderungan, pengetahuan dan minat yang dimiliki oleh klien. Jabatan



Kebajikan Masyarakat juga menyediakan sesi kaunseling, motivasi, perubahan minda, latihan dan bimbingan mengikut kesesuaian klien. Pada peringkat ini, pekerja kes berperanan dan bertanggungjawab dalam; (i) merancang bersama-sama dengan klien gerak kerja yang meliputi matlamat yang ingin dicapai oleh klien dalam perniagaan, merancang bersama klien strategi untuk mencapai objektif perniagaan, perancangan kos, kaedah pelaksanaan dan *outcome* perniagaan yang akan dilaksanakan sepanjang tempoh klien mengikuti program; (ii) menjelaskan dan mendapat persetujuan klien kandungan surat aku janji sebagai klien 2YEP; (iii) memastikan klien memulakan perniagaan mengikut perancangan yang telah ditetapkan; (iv) bertanggungjawab dalam membangunkan kapasiti dan kompetensi klien; (v) menguruskan proses pemberian bantuan geran pelancaran kepada klien; dan (vi) bertindak sebagai penghubung di antara klien dengan agensi-agensi yang bersesuaian bagi pembangunan klien. Setelah selesai mengikuti latihan pada tahap intervensi, klien akan diberikan modal sebanyak RM2700 untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan sedia ada (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016).

Strategi pelaksanaan peringkat ketiga adalah tahap pemantauan dan penilaian. Pada peringkat ini, pekerja kes bertanggungjawab melaksanakan pemantauan perkembangan dan kemajuan klien melalui proses seliaan setiap bulan untuk menilai perkembangan dan kemajuan klien dari sudut kemajuan projek perniagaan yang diusahakan, pola pergerakan pendapatan dan perbelanjaan serta perubahan kualiti hidup klien. Klien akan dibekalkan dengan buku rekod kemajuan dan buku rekod perniagaan untuk dikemaskini bagi pemantauan kemajuan projek perniagaan yang mereka jalankan. Pemantauan rapi akan dilakukan oleh pekerja kes terhadap prestasi pendapatan klien bagi memastikan klien mampu berdikari dan dikeluarkan dari senarai penerima bantuan kewangan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat mengikut masa yang ditetapkan. Pekerja kes akan mengadakan sesi lawatan, temu bual, pemerhatian serta menyemak buku log dan buku rekod perniagaan klien. Pemantauan yang dilakukan oleh pekerja kes merangkumi aspek prestasi pendapatan, kemahiran dan kebolehan untuk berdikari. Pekerja kes juga memantau bersama-sama dengan agensi-agensi lain yang terlibat sekiranya perlu. Pekerja kes juga akan mengadakan sesi perbincangan bersama klien untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi dalam perniagaan mereka (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016).

Tahap penilaian pula adalah untuk menilai kemajuan klien. Pada tahap ini Jawatankuasa Penilaian 2YEP peringkat negeri dan peringkat bahagian akan ditubuhkan. Penubuhan Jawatankuasa Penilaian ini juga bertujuan untuk melakukan penilaian terhadap kekurangan dan permasalahan yang dihadapi oleh klien dan pekerja kes yang menyebabkan klien tidak mampu berdikari dan dikeluarkan dari senarai penerima bantuan kewangan dalam tempoh yang ditetapkan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Pada tahap penilaian, pekerja kes akan melakukan penilaian terhadap pelaksanaan perniagaan berasaskan perancangan asal yang telah dibuat dengan menilai perkembangan perniagaan, mengadakan refleksi klien terhadap keluarga, persekitaran, komuniti perniagaan yang dijalankan, penambahbaikan pelaksanaan projek dan membentangkan pencapaian kemajuan klien program dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian peringkat bahagian atau negeri.

Peringkat keempat adalah tahap penamatan bantuan kewangan bulanan klien. Penamatan bantuan kewangan dilakukan dalam tiga keadaan iaitu, pertama; penamatan awal bagi klien yang berjaya berdikari dalam tempoh kurang dua tahun; kedua, penamatan bantuan terhadap klien yang berjaya berdikari dalam tempoh genap dua tahun; ketiga, penamatan bantuan terhadap klien yang berjaya berdikari, melebihi tempoh dua tahun yang di tetapkan berdasarkan dua situasi; i) bantuan kewangan dilanjutkan lagi selama enam bulan sekiranya klien gagal mencapai pendapatan melebihi syarat yang ditetapkan disebabkan oleh faktor seperti bencana alam, kesihatan dan kemalangan; (ii) bantuan kewangan tidak dilanjutkan jika berpunca daripada kecuaiian seperti sikap malas dan tiada usaha (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2016). Rajah 2 dibawah mencartakan peringkat strategi pelaksanaan 2YEP di Sabah.

**Rajah 1** Strategi pelaksanaan 2YEP



*Sumber:* Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah, 2021

Selain daripada pekerja kes, pegawai psikologi adalah pegawai yang berperanan penting dalam menjayakan 2YEP. Penemuan awal kajian ini menemukan seramai dua orang pegawai psikologi JKM di tempatkan di bahagian Kota Kinabalu. Pegawai psikologi ini akan bertanggungjawab terhadap kesemua klien 2YEP di daerah di bawah pentadbiran Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian Kota Kinabalu, iaitu Daerah Ranau, Daerah Kota Belud, Daerah Tuaran, Daerah Kecil Tamparuli, Daerah Putatan, Daerah Penampang dan Daerah Papar. Di antara peranan dan tanggungjawab pegawai psikologi dalam pelaksanaan 2YEP adalah; (i) melakukan proses saringan lanjutan terhadap penerima bantuan sekiranya ujian psikologi diperlukan; (ii) melaksanakan intervensi kaunseling serta khidmat nasihat; (iii) mengadakan intervensi bagi kes-kes klien yang kompleks yang membabitkan masalah emosi dan psikologi; (iv) mengadakan sesi pembangunan minda; (v) menyediakan laporan bertulis setiap sesi kaunseling yang diadakan bagi kes-kes yang dirujuk oleh pekerja kes; dan (vi) menjalankan penilaian semula klien menggunakan Alat Penaksiran Psikologi.

Dalam usaha membangun klien ke arah hidup yang berdikari, Jabatan Kebajikan Masyarakat telah membina rangkaian kerjasama dengan pelbagai kementerian, jabatan dan syarikat swasta seperti merujuk klien kepada agensi pemberi bantuan pinjaman mikro kredit untuk mengembangkan perniagaan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN Nasional, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan lain-lain. Jabatan Kebajikan Masyarakat juga membantu klien dalam urusan mendapatkan peluang perniagaan dan pemasaran produk sebagai pengantara antara klien dengan agensi-agensi yang bersesuaian dalam memberikan nasihat pakar dan teknikal yang diperlukan oleh mereka. Klien yang berjaya akan dilibatkan sebagai mentor melalui program mentor-mentee dan dijadikan sebagai “*Role Model*” kepada klien 2YEP yang belum mampu berdikari. Pada peringkat ini pekerja kes bertanggungjawab untuk mengadakan sesi konsultasi bersama klien sebagai persediaan penamatan bantuan dan terlibat dalam perancangan masa hadapan klien. Pekerja kes akan melibatkan klien yang berjaya di dalam program mentor-mentee dalam proses membantu klien lain yang belum mampu berdikari. Selain daripada bertanggungjawab dalam pelaksanaan program, pekerja kes juga terlibat di dalam hal-hal pentadbiran berkaitan dengan pengurusan kes antaranya pengurusan rekod klien, audit, penyediaan kertas cadangan program pembangunan kapasiti klien, membuat semakan terhadap laporan perkembangan kes bagi tujuan intervensi, urus setia dan ahli mesyuarat Jawatankuasa Penilaian 2YEP.

## **Isu dan Cabaran**

Dapatan awal kajian ini menemukan beberapa isu dan cabaran dalam menjayakan 2YEP di Sabah. Antara cabaran yang dihadapi dalam menjayakan 2YEP di Sabah adalah; (i) isu perjawatan; (ii) pertindihan kuasa dan tanggungjawab antara Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Jabatan Kerajaan Negeri; dan (iii) kekurangan aset dan peralatan pejabat.

**Jadual 2** Bilangan kakitangan, jumlah penerima bantuan, bilangan klien 2YEP dan bilangan pekerja kes, di Sabah tahun 2016

<b>Pejabat</b>	<b>Bilangan Kakitangan (Waran /Isi)</b>	<b>Jumlah Penerima Bantuan</b>	<b>Jumlah Klien 2YEP</b>	<b>Jumlah Pekerja Kes 2YEP / S19</b>
Ibu Pejabat JKM Sabah	80 (75)			14
Bahagian Kota Kinabalu	54 (51)	10,251	13	13
Bahagian Kudat	25 (25)	4,900	19	10
Bahagian Beaufort	26 (25)	4,059	16	9
Bahagian Keningau	28 (25)	6,816	11	10
Bahagian Sandakan	30 (29)	5,831	11	9
Bahagian Tawau	38 (35)	6,609	19	14
<b>Jumlah</b>	<b>283 (265)</b>	<b>38,466</b>	<b>89</b>	<b>79</b>

*Sumber:* Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah, 2021

### **Isu Perjawatan**

Perjawatan merupakan cabaran utama dalam menjayakan 2YEP di Sabah. Hal ini kerana waran perjawatan kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat di Sabah hanya setakat peringkat Pejabat Kebajikan Masyarakat Bahagian sahaja. Ini mengakibatkan Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah mengalami kekurangan kakitangan yang secara langsung menyebabkan pekerja kes yang berada di daerah di bebani oleh lambakan tugas yang berlebihan. Maklumat berkaitan taburan pegawai dan kakitangan JKM Sabah tahun 2016 adalah seperti dalam Jadual 2, manakala taburan pegawai dan kakitangan di Bahagian Kota Kinabalu tahun 2016 adalah seperti dalam Jadual 3.

**Jadual 3** Bilangan kakitangan, penerima bantuan, klien 2YEP dan Pembantu Pembangunan Masyarakat (PPM) Gred S19, di Bahagian Kota Kinabalu, 2016

Bahagian & Daerah	Bilangan Kakitangan JKM	Jumlah Penerima Bantuan	Jumlah Klien 2YEP	Jumlah Pekerja Kes 2YEP/S19
Bahagian Kota Kinabalu & UTC	30	1,560	4	5
Daerah Kecil Tamparuli	2	664	1	1
Daerah Putatan	3	1116	3	2
Daerah Kota Belud	4	1,690	2	2
Daerah Penampang	3	860	2	1
Daerah Ranau	2	1,667	1	2
Daerah Tuaran	4	861	0	1
Daerah Papar	3	1,833	0	1
Jumlah	51	10,251	13	15

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah, 2021

**Jadual 4** Nisbah Pembantu Pembangunan Masyarakat (PPM) S19 kepada jumlah penerima bantuan di bahagian Kota Kinabalu, 2016

Pejabat Kebajikan Masyarakat	Nisbah S19 kepada Kes Bantuan
Pejabat UTC	1:1560
Daerah Kecil Tamparuli	1:664
Daerah Putatan	1:558
Daerah Kota Belud	1:845
Daerah Penampang	1:860
Daerah Ranau	1:833
Daerah Tuaran	1:861
Daerah Papar	1:1833

Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah, 2021

Hasil analisis data perjawatan yang diperolehi dari JKM Sabah menemukan bahawa jumlah bilangan kakitangan skim Pembantu Pembangunan Masyarakat (PPM) Gred S19 yang ditempatkan di Pejabat-Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah di bahagian Kota Kinabalu adalah diantara satu ke empat orang (mengikut maksud bekal B.48/ WP S90/2015-Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat). Hal ini telah mengakibatkan bidang tugas kakitangan di PKMD terlalu luas dan umum.

Keadaan ini menyebabkan kakitangan yang berada di daerah dibebani dengan beban kerja berlebihan. Dapatan kajian ini adalah selari dengan dapatan kajian oleh Sharifah Norazizan et al., (2017) yang menemukan bahawa pelaksanaan projek rintis 2YEP di Negeri Sembilan dan Perlis berhadapan dengan cabaran kekurangan pekerja kes yang memantau pelaksanaan 2YEP. Walau bagaimanapun cabaran ini lebih ketara dihadapi dalam menjayakan 2YEP di Sabah disebabkan oleh faktor keluasan bahagian dan daerah di Sabah berbanding dengan Negeri Sembilan dan Perlis. Hal ini dibuktikan dengan nisbah seorang kakitangan Pembantu Pembangunan Masyarakat (PPM) Gred S19 kepada jumlah kes bantuan JKM di mana nisbah tertinggi adalah di Daerah Papar iaitu 1:1833 dan yang terendah adalah 1:558 di Daerah Putatan. Jadual 4 menunjukkan nisbah S19 kepada jumlah kes bantuan setiap Daerah di Bahagian Kota Kinabalu.

Akibat daripada skop kerja yang terlalu umum dan beban kerja yang berlebihan telah memberi kesan terhadap produktiviti pekerja kes dalam pelaksanaan 2YEP. Kajian ini menemukan bahawa pekerja kes tidak dapat memberikan tumpuan dalam penglibatan mereka sepenuhnya dalam sistem pengurusan pekerja kes (CMS) dalam membimbing dan memperkasa klien program disebabkan oleh beban tugas yang berlebihan dalam mengendalikan kesemua skim perkhidmatan bantuan JKM di peringkat daerah. Dalam pelaksanaan program 2YEP, kakitangan PPM S19 merupakan kakitangan yang menjadi pekerja kes program 2YEP. Selain itu, pekerja kes juga bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas skim perkhidmatan bantuan seperti bantuan kanak-kanak, bantuan orang tua, elaun pekerja cacat dan tabung bantuan segera. Di antara skop tugas pekerja kes dalam mengendalikan skim perkhidmatan bantuan kebajikan adalah proses permohonan baharu dan kajian semula bagi kes sedia ada dengan mengadakan lawatan ke rumah penerima bantuan. Jabatan Kebajikan Masyarakat bertanggungjawab dalam menyediakan sebanyak 12 jenis skim bantuan persekutuan bagi membantu kumpulan sasar yang memerlukan. Selain daripada itu, JKM juga melaksanakan bantuan dalam bentuk program dalam membantu masyarakat miskin seperti program 1AZAM dan juga 2YEP. Walau bagaimanapun, program-program baharu yang diperkenalkan oleh JKM secara langsung menyebabkan pertambahan tugas kakitangan JKM di PKMD kerana pelaksanaan program-program ini tidak disertai dengan pertambahan jumlah

kakitangan sehingga kakitangan di PKMD merasa beban tugas mereka berlebihan. Hal ini mengakibatkan kakitangan di PKMD tidak mempunyai motivasi dan kepuasan dalam bekerja.

### **Pertindihan Kuasa dan Tanggungjawab Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Jabatan Kerajaan Negeri**


Cabaran kedua dalam menjayakan pelaksanaan 2YEP di Sabah adalah berlakunya pertindihan kuasa dan tanggungjawab antara Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah (Jabatan Kerajaan Persekutuan) dan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (Jabatan Kerajaan Negeri) dalam menyediakan skim perkhidmatan bantuan kepada golongan sasar. Dalam konteks negeri Sabah, pelaksanaan perkara-perkara yang berkaitan dengan kebajikan masyarakat adalah selaras dengan Senarai Bersama (*Concurrent List*) antara Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah Senarai III - Jadual Kesembilan Senarai Perundangan (Perlembagaan Persekutuan, 2006). Dalam hal ini, secara pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah (Jabatan Kerajaan Persekutuan) dan Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (Jabatan Kerajaan Negeri) adalah dibawah tanggungjawab secara bersama oleh seorang ketua jabatan yang sama (Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah, 2021). Pelaksanaan program 2YEP di Sabah adalah dibawah tanggungjawab Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Selain bertanggungjawab terhadap kesemua skim perkhidmatan bantuan persekutuan di peringkat daerah, kakitangan Jabatan Kebajikan Masyarakat juga terlibat bersama dalam menyampaikan perkhidmatan di bawah tanggungjawab Jabatan Perkhidmatan Kebajikan Am Sabah (Jabatan Kerajaan Negeri). Hal ini telah menimbulkan pertindihan kuasa dan tanggungjawab di antara Jabatan Kerajaan Persekutuan dan Jabatan Kerajaan Negeri dalam menyampaikan skim perkhidmatan bantuan kepada golongan miskin yang memerlukan di Sabah. Hal ini telah menjadi cabaran kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah secara umum kerana prinsip "*concurrent list*" berkait dengan soal perjawatan, kewangan, dan operasi jabatan secara keseluruhannya. Pertindihan kuasa dan tanggungjawab di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah menyebabkan kata putus di dalam



program pembangunan masyarakat sukar dilaksanakan (Shaslinda *et al.*, 2018). Hierarki pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah adalah seperti di Rajah 1 di bawah.

## Rajah 2 Hierarki Pentadbiran Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sabah



Sumber: Jabatan Kebajikan Masyarakat Sabah, 2021

## Cabaran Kekurangan Kemudahan dan Aset Jabatan

Cabaran ketiga dalam menjayakan 2YEP di Sabah adalah kekurangan kemudahan di tempat kerja dan aset jabatan. Kekurangan aset pejabat seperti peralatan komputer, jaringan internet yang lemah dan sistem *e-bantuan* menjadi cabaran kepada pekerja kes dalam menjalankan tugas harian mereka. Kajian ini menemukan bahawa pekerja kes bukan hanya bertanggungjawab dalam pelaksanaan 2YEP malahan terlibat dalam kesemua skim perkhidmatan bantuan JKM di Bantuan Kanak-Kanak (BKK), Bantuan Orang Tua (BOT), Elaun Pekerja Cacat (EPC), Bantuan AM (BA) dan Tabung Bantuan Segera (TBS). Pekerja kes akan terlibat dalam proses permohonan baru dan juga kaji semula penerima bantuan JKM. Menurut maklumat dari pekerja kes, masalah kekurangan peralatan pejabat dan sistem *e-bantuan* telah menyebabkan pekerja kes perlu mengambil masa yang lama untuk melakukan kerja-kerja kemaskini data berkaitan dengan permohonan dan kaji semula perkhidmatan bantuan. Keputusan oleh kerajaan untuk menaikan kadar bantuan pada tahun 2021 menjadikan bilangan permohonan bantuan setiap hari semakin

bertambah. Masalah kekurangan dalam *support system* di pejabat ini telah memaksa pekerja kes terpaksa membawa kerja-kerja mereka pulang dan diselesaikan di rumah.

Keadaan bentuk muka bumi Sabah yang berbukit bukau dan bergunung-ganang merupakan satu daripada elemen cabaran yang harus diberi perhatian oleh pelbagai pihak. Keadaan bentuk muka bumi ini menjadi satu cabaran dalam pelaksanaan program-program pembasmian kemiskinan terutamanya bagi kes-kes yang memerlukan lawatan dan kajian ke rumah penerima bantuan. Dalam melaksanakan perkhidmatan skim bantuan JKM, pekerja kes akan melakukan lawatan dan kajian ke rumah pemohon baharu atau bagi kajian semula bagi penerima bantuan yang memohon untuk penyambungan. Kajian ini menemukan bahawa pekerja kes menghadapi cabaran untuk melakukan lawatan kerana pemohon bantuan adalah masyarakat miskin yang tinggal di pedalaman, masih ketinggalan dari segi pembangunan infrastruktur seperti tiada bekalan air bersih, tiada talian internet dan yang tidak terhubung dengan jalan raya yang berturap sepenuhnya. Jarak perjalanan yang jauh dan keadaan jalan raya tidak berturap sepenuhnya memerlukan penggunaan kenderaan yang sesuai seperti kenderaan pacuan empat roda digunakan oleh pekerja kes dalam menjalankan tugas mereka. Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh pelaksana program dalam menjayakan program pembasmian kemiskinan di Sabah yang mungkin tidak berlaku di bandar atau di negeri-negeri lain di Malaysia. Kajian ini juga menemukan dalam keadaan-keadaan terdesak dan kecemasan, pekerja kes terpaksa menggunakan kenderaan mereka sendiri untuk menghantar barang-barang keperluan seperti kebakaran, banjir dan gempa bumi.

## **KESIMPULAN**

Dapatan awal kajian ini menemukan bahawa *2 Years Exit Programme (2YEP)* merupakan program inovasi sosial yang mempunyai strategi pelaksanaan yang begitu baik dan teratur. Pelaksanaan program ini mampu membantu meningkatkan pendapatan isi rumah klien melebihi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK), seterusnya mengeluarkan nama mereka dari senarai penerima bantuan JKM di Sabah. Kejayaan dalam mengeluarkan klien ini dari senarai penerima bantuan telah menyumbang kepada penjimatan perbelanjaan

bantuan kewangan kerajaan. Walau bagaimanapun peratusan kegagalan klien adalah jauh lebih tinggi iaitu 67.8 peratus berbanding dengan peratusan klien yang berjaya iaitu 32.2 peratus bagi klien 2YEP Fasa Pertama (2016-2018) di bahagian Kota Kinabalu Sabah. Hasil kajian ini menemukan beberapa isu dan cabaran dalam menjayakan 2YEP di Sabah. Antara isu dan cabaran yang dihadapi oleh pelaksana program adalah; (i) isu perjawatan dan beban kerja yang berlebihan; (ii) pertindihan kuasa dan tanggungjawab antara Jabatan Persekutuan dan Jabatan Kerajaan Negeri; dan (iii) kekurangan peralatan dan aset jabatan (*support system*).

Kajian ini mencadangkan agar taburan perjawatan kakitangan diperluaskan sehingga ke peringkat daerah agar masalah kekurangan tenaga kerja dan beban kerja pekerja kes dapat diatasi. Faktor pekerja kes yang berkemahiran dan pengetahuan dalam bidang perniagaan juga perlu diberi perhatian oleh pelaksana program dalam memastikan konsep pemerkasaan klien dapat dicapai. Selain daripada itu, kemudahan di tempat kerja seperti talian internet, komputer dan jenis kenderaan jabatan yang sesuai untuk digunakan oleh pekerja kes dalam menjalankan pemantauan, intervensi dan kajian kes perlu diberi perhatian agar bersesuaian dengan bentuk muka bumi di Sabah yang bergunung-ganang, keadaan jalan raya yang tidak berturap sepenuhnya dan sebagainya. Dicadangkan juga agar klien yang telah berjaya diputihkan melalui program 2YEP dan telah mencapai pendapatan di atas PGK yang ditetapkan untuk terus mendapatkan sokongan yang berterusan daripada kerajaan terutamanya dalam mengharungi masa-masa sukar akibat daripada faktor juar jangka seperti Covid-19.

## **RUJUKAN**

- Berry, A. (2013). *Social protection, growth and employment* (Issue May). Department of Social Welfare. (2019). *Social welfare statistics report 2019*. 1–232.
- Hox, J. J., & Boeije, H. R. (2004). Data collection, primary vs. secondary. In *Encyclopedia of Social Measurement*. 593–599.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2016). Terma rujukan pengurusan projek rintis 2 Years Exit Programme. *Terma rujukan pengurusan projek rintis 2 Years Exit Programme*, 19.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2017). *Jabatan Kebajikan Masyarakat*. Jabatan Kebajikan Masyarakat. <http://www.jkm.gov.my/jkm/index.php>
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. (2018). *Laporan Statistik 2018*.

- Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sabah. (2021). *Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Sabah*.
- Noraida, I., Salamatussaadah, A. G., Wan Zabariah, W. H., Haniza, T., & Mohamad Kamil, M. U. (2018). Kajian penilaian outcome: Program exit bagi penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat Yang Produktif. *Jurnal Kebajikan Masyarakat (Social Welfare Journal)*, 45(Nov), 109–118.
- Ong, F. S., & Hamid, T. A. (2010). Social protection in Malaysia - Current state and challenges towards practical and sustainable social protection in East Asia: A Compassionate Community. *Social Protection in East Asia - Current State and Challenges*, 9, 182–219.
- Perlembagaan Persekutuan. (2006). *Perlembagaan Persekutuan*. 301.
- Putri Noorafedah Megat Tajudin, Khairuddin Idris, Abd Rahim, N. A., & Arshad, M. M. (2020). Keusahawanan mampan melalui proses pemeraksanaan sosioekonomi dalam kalangan usahawan bimbingan Program 2 Years Exit Programme yang berjaya di Negeri Sembilan, Malaysia. *Community: Pengawas Dinamika Sosial*, 6(1), 83.
- Sharifah Norazizan *et al.* (2017). *Laporan akhir: Kajian Keberkesanan bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat*.
- Shaslinda, N., Kadir, A., Imang, U., Atang, C., Geografi, P., Kemanusiaan, F., & Wawasan, G. D. (2018). Cabaran pelaksanaan Program Gerakan Desa Wawasan dalam memajukan kawasan luar bandar di Sabah. *Geografi*, 6(2), 76–89.
- Unit Perancang Ekonomi, J. P. M. (2017). *Poverty Incident According to ethnic groups, Class and State, Malaysia, 1970-2016*.
- Unit Perancang Ekonomi, J. P. M. (2020). *Dapatan kajian semula Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 2019 Malaysia*.
- Zakiah Jamaluddin, & Norzalinda Mohd Ali Hanafiah. (2018). Poverty eradication through productive welfare approach in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(9), 1186–1192.